

MELAKUKAKAN TRANSFORMASI DALAM KEHIDUPAN

Intisari ayat

1. Allah memerintahkan para malaikat supaya mengawasi manusia setiap waktu sama ada di siang hari atau di malam hari termasuk menjaga manusia daripada ditimpa bahaya
2. Allah menjelaskan bahawa sebahagian para malaikat ditugaskan untuk mencatat segala amal baik dan buruk manusia
3. Allah tidak akan mengubah keadaan kaum itu malah akan menarik nikmat yang ada pada mereka sehingga mereka mengubahnya

Pengertian malaikat dan tugasnya

Malaikat :

- kata jamak daripada kalimah ملاك atau مَلَائِكَة
- makhluk yang diciptakan daripada cahaya, tidak dapat dicapai oleh pancaindera manusia dan mampu menyerupai bentuk makhluk yang lain daripada rupa asal mereka

Tugas-tugas malaikat :

- bertasbih kepada Allah
- memikul arasy'
- menyiksa penghuni neraka
- menyampaikan wahyu kepada Rasulullah
- memberi salam kepada ahli syurga

perubahan berdasarkan ayat

(إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ رُءُوسَ قَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا
مَأْتِنَهُمْ)

memulakan perubahan pada diri sendiri dahulu supaya menjadi lebih yakin kerana tidak mungkin kita mengajak orang lain untuk berubah sedangkan diri kita sendiri masih berada di takuk yang lama

memulakan perubahan secara perlahan-lahan walaupun sukar kita dapat merasakan perubahan itu dalam diri kita

tidak bertanggung dalam memulakan perubahan kerana semakin lama bertanggung akan menjadi semakin susah untuk melakukannya

berusaha untuk berubah dengan niat yang ikhlas dan lakukannya dengan bersungguh-sungguh dengan sepenuh hati

apabila Berjaya melakukan perubahan diri, kita perlu mengulangi perubahan itu sehingga menjadi sehati dengan diri

kepentingan usaha dan ikhtiar dalam melakukan perubahan dalam hidup

1. menzahirkan rasa syukur dengan ketentuan yang telah ditetapkan oleh allah atas apa yang telah mereka usahakan
2. mengelakkan daripada timbulnya sifat berputus asa dalam diri sewaktu melakukan perubahan dalam hidup
3. meningkatkan ekonomi negara hasil daripada peningkatan taraf hidup masyarakat
4. mewujudkan kelompok masyarakat yang saling bantu-membantu antara satu sama lain
5. meningkatkan taraf kehidupan manusia ke arah yang lebih positif

Strategi dan usaha terbaik untuk meningkatkan kualiti hidup

1. berdo'a kepada allah agar allah mengubah diri kita ke arah yang lebih baik disamping berusaha dan tawakal kepada allah
2. memulakan dengan perubahan yang ringan, bersesuaian dengan bakat dan kemampuan diri seseorang
3. melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh, agar mendatangkan hasil yang maksima dan memberi manfaat kepada orang ramai
4. bertaubat dengan memohon keampunan daripada allah dan berazam untuk meninggalkan dosa-dosa yang telah dilakukan
5. istiqamah untuk berubah ke arah kebaikan dengan

menetapkan matlamat dan tujuan untuk berubah

pengajaran ayat

kita hendaklah mengubah nasib diri kita sendiri dengan melakukan setiap pekerjaan dengan bersungguh-sungguh

setiap manusia hendak meyakini bahawa tiada tempat untuk memohon pertolongan ketika ditimpa bencana kecuali hanya kepada allah

manusia hendaklah mempercayai bahawa allah menugaskan para malaikat untuk mengawasi manusia pada setiap masa

kita hendaklah mempercayai bahawa allah menugaskan para malaikat untuk mengawasi manusia pada setiap masa

